

NO. SOALAN : 138

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejak Kementerian memperkenalkan harga petrol dan diesel secara mingguan pada 29 Mac 2017, berapakah bilangan stesen minyak yang telah ditutup.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Hasil semakan di pihak Kementerian mendapati, pelaksanaan sistem harga petrol mingguan tidak menjejaskan pengusaha stesen minyak.

Kebanyakan penutupan stesen-stesen minyak adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti tempoh pajakan tanah yang telah tamat, pengambilan tanah untuk projek MRT dan jumlah jualan minyak yang rendah di kawasan tersebut.

Selain itu, terdapat stesen-stesen yang ditutup sementara disebabkan isu keselamatan seperti kebocoran tangki dan proses naiktaraf stesen tersebut.